

Akaun Simpanan Premier Save-i

Akaun Simpanan Premier Save-i

Nama Produk: Akaun Simpanan Premier Save-i OCBC

Apakah Akaun Simpanan Premier Save-i OCBC?
 Akaun simpanan Islamik yang menawarkan kadar keuntungan selaras dengan Kadar Ditawarkan Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR)

General Information	
Kontrak Syariah	Tawarruq
Definisi dan Ciri-ciri Penting	Tawarruq merujuk kepada pembelian aset yang dimiliki dan dalam pegangan penjual pada harga tertanggung, dan aset tersebut kemudiannya dijual oleh pembeli kepada pihak yang bukan penjual asal. Secara tunai bagi tujuan mendapatkan tunai.
Bagaimana Produk ini Berfungsi?	<p>Transaksi Tawarruq akan dijalankan melalui urusan dwi agensi. Di bawah urusan ini, OCBC Al-Amin akan bertindak sebagai ejen pelanggan untuk menyelesaikan transaksi Tawarruq. Secara asasnya, Pelanggan adalah penjual dan OCBC Al-Amin adalah pembeli komoditi pada harga tertanggung. Penerangan terperinci adalah seperti berikut:</p> <p>Pelanggan mendepositkan dana* dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen pelanggan untuk membeli komoditi. Komoditi ialah Minyak Sawit Mentah ("CPO") atau lain-lain komoditi bukan Ribawi patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin.</p> <p>*Dana Pelanggan: Harga Belian Pelanggan</p> <p>OCBC Al-Amin membeli komoditi sebagai ejen pelanggan daripada broker pada harga semasa. Jika tiada permintaan untuk serahan fizikal komoditi tersebut, pelanggan memberi kuasa dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen (Wakil) untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak, termasuk OCBC Al-Amin sendiri setelah pelanggan memiliki komoditi secara konstruktif (Qabd al-Hukmi) dalam jumlah yang setara dengan Harga Belian Bank. OCBC Al-Amin kemudian membeli komoditi tersebut daripada pelanggan pada harga kos ditambah keuntungan**.</p> <p>**Kos ditambah keuntungan: Harga Belian Bank</p> <p>Keuntungan akan diakru setiap hari dan dikreditkan ke akaun pelanggan pada akhir bulan.</p> <p>Pelanggan dan OCBC Al-Amin juga bersetuju untuk membuat transaksi yang sama seperti di atas dari semasa ke semasa pada setiap hari.</p>
Aset Patuh Syariah	Komoditi yang dibeli adalah komoditi patuh Syariah seperti Minyak Sawit Mentah
Kelayakan	
Umur	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).
Kewarganegaraan	Terbuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).
Dokumen yang Diperlukan	Kad Pengenalan atau Pasport
Simpanan Permulaan Minimum	RM200,000
Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun	RM20 Sebarang transaksi yang menyebabkan baki akaun kurang daripada baki minimum akan ditolak.

Akaun Simpanan Premier Save-i

Kadar Keuntungan					
Pengiraan Keuntungan	Kadar keuntungan yang tertera di bawah akan dikenakan kepada baki keseluruhan dalam Akaun Simpanan Premier Save-i. Keuntungan akan terakru secara harian dan dikreditkan setiap bulan.				
Kadar Keuntungan	<table border="1"> <tr> <td>Bagi Akaun Berbaki RM200,000 dan ke Atas</td> <td> <p>Deposit keseluruhan di dalam akaun akan menerima kadar keuntungan yang di kira seperti berikut:</p> <p>Tetapan KLIBOR 1-bulan¹ – Kadar Penyelarasan²</p> <p>¹Tetapan KLIBOR 1-bulan akan diambil daripada Bloomberg dan berdasarkan tetapan yang dibuat setiap Hari Bekerja pada 11 pagi.</p> <p>²Kadar Penyelarasan adalah di atas budi bicara OCBC Bank dan akan berada di dalam lingkungan 0.04% setahun ke 0.40% setahun. Kadar Penyelarasan setakat 10 Julai 2015 adalah 0.08% setahun.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <u>Setakat 15 July 2016:</u> <p>Tetapan KLIBOR 1-bulan: 3.13% setahun Kadar Penyelarasan oleh OCBC Bank: <u>0.08% setahun</u> Kadar keuntungan dikenakan: <u>3.05% setahun</u></p> <p>Kadar keuntungan dikenakan pada baki keseluruhan Akaun pada 15 July 2016 adalah 3.05% setahun.</p> </td> </tr> <tr> <td>Bagi Akaun Berbaki Kurang daripada RM200,000</td> <td>1.00% setahun</td> </tr> </table> <p>Kadar ini digunakan sewaktu penerbitan. Kadar terkini boleh didapati di www.ocbc.com.my. Keuntungan akan dibayar oleh OCBC Al-Amin pada kadar ditetapkan oleh OCBC Al-Amin. Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar keuntungan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau di media massa.</p>	Bagi Akaun Berbaki RM200,000 dan ke Atas	<p>Deposit keseluruhan di dalam akaun akan menerima kadar keuntungan yang di kira seperti berikut:</p> <p>Tetapan KLIBOR 1-bulan¹ – Kadar Penyelarasan²</p> <p>¹Tetapan KLIBOR 1-bulan akan diambil daripada Bloomberg dan berdasarkan tetapan yang dibuat setiap Hari Bekerja pada 11 pagi.</p> <p>²Kadar Penyelarasan adalah di atas budi bicara OCBC Bank dan akan berada di dalam lingkungan 0.04% setahun ke 0.40% setahun. Kadar Penyelarasan setakat 10 Julai 2015 adalah 0.08% setahun.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <u>Setakat 15 July 2016:</u> <p>Tetapan KLIBOR 1-bulan: 3.13% setahun Kadar Penyelarasan oleh OCBC Bank: <u>0.08% setahun</u> Kadar keuntungan dikenakan: <u>3.05% setahun</u></p> <p>Kadar keuntungan dikenakan pada baki keseluruhan Akaun pada 15 July 2016 adalah 3.05% setahun.</p>	Bagi Akaun Berbaki Kurang daripada RM200,000	1.00% setahun
Bagi Akaun Berbaki RM200,000 dan ke Atas	<p>Deposit keseluruhan di dalam akaun akan menerima kadar keuntungan yang di kira seperti berikut:</p> <p>Tetapan KLIBOR 1-bulan¹ – Kadar Penyelarasan²</p> <p>¹Tetapan KLIBOR 1-bulan akan diambil daripada Bloomberg dan berdasarkan tetapan yang dibuat setiap Hari Bekerja pada 11 pagi.</p> <p>²Kadar Penyelarasan adalah di atas budi bicara OCBC Bank dan akan berada di dalam lingkungan 0.04% setahun ke 0.40% setahun. Kadar Penyelarasan setakat 10 Julai 2015 adalah 0.08% setahun.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <u>Setakat 15 July 2016:</u> <p>Tetapan KLIBOR 1-bulan: 3.13% setahun Kadar Penyelarasan oleh OCBC Bank: <u>0.08% setahun</u> Kadar keuntungan dikenakan: <u>3.05% setahun</u></p> <p>Kadar keuntungan dikenakan pada baki keseluruhan Akaun pada 15 July 2016 adalah 3.05% setahun.</p>				
Bagi Akaun Berbaki Kurang daripada RM200,000	1.00% setahun				
Perkhidmatan					
Perbankan Online OCBC	<p>Lobi Perbankan Elektronik – eLobby</p> <ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan ATM yang menyediakan pengeluaran tunai, pindahan dana, pertanyaan baki, permohonan buku cek dan banyak lagi – 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Mesin Simpanan Tunai membolehkan anda mendeposita atau membayar wang tunai dengan atau tanpa kad ATM/Debit ke akaun anda sendiri atau akaun OCBC pihak ketiga. Mesin Kemasukan Cek memberikan anda cara mudah dan pantas untuk memasukkan cek ke dalam akaun-akaun OCBC. <p>Perbankan Internet OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> Akses akaun OCBC anda 24 jam sehari dengan selesa dari rumah atau pejabat anda. Daftar percuma dengan nombor ATM/Debit dan PIN di www.ocbc.com.my <p>Perbankan Telefon OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> Jawapan kepada pertanyaan perbankan anda kini hanya dengan satu panggilan sahaja. Pilih daripada menu layan diri atau berbual dengan Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan kami dengan mendail 03-8314 9310. <p>Nota: Anda hanya boleh menyemak baki menggunakan Perbankan Internet sekiranya anda mempunyai akaun Perbankan Internet sedia ada.</p>				
Pengeluaran Antara Cawangan	Sehingga RM300,000 bagi setiap akaun setiap hari.				
Arahan Tetap	Daftarliah untuk arahan tetap bagi pembayaran bil-bil rutin anda.				

Akaun Simpanan Premier Save-i

Ciri-ciri dan Manfaat					
Kemudahan Sweep	Nikmati kemudahan <i>sweep</i> daripada Akaun Simpanan Premier Save-i ke akaun semasa anda.				
Rekod: Berasaskan e-Penyata atau Berasaskan Penyata	Uruskan dana dengan lebih mudah dengan menggunakan e-penyata yang boleh didapatkan melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan. Bagi setiap permohonan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.				
Insurans Simpanan	<p>Deposit ini adalah deposit yang layak diinsuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). PIDM menjamin deposit yang berkelayakan sehingga RM250,000 bagi setiap satu penyimpanan di setiap satu bank. Had RM250,000 ini termasuk jumlah pokok deposit dan juga kadar/pulangan yang diperolehi. Deposit-deposit perbankan Islam dan konvensional layak untuk perlindungan berasingan yang dihadkan pada RM250,000 setiap satu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan insurans simpanan adalah secara automatik. • PIDM melindungi pendeposit yang mempunyai simpanan di bank • Tiada caj dikenakan kepada penyimpanan untuk perlindungan insurans ke atas simpanan. • Sekiranya bank gagal, PIDM akan membayar balik wang simpanan kepada penyimpanan. <p>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari www.pidm.gov.my</p>				
Pengendalian Akaun Dorman	<p>Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dianggap sebagai akaun dorman.</p> <table border="1" data-bbox="427 1021 1414 1263"> <tbody> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td> <td>Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td> </tr> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td> <td>Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".</td> </tr> </tbody> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad secara peribadi.</p>	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".				
Polisi Wang yang Tak Dituntut	Mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tidak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.				
Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun Bersama ("Akaun") boleh di buka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan semasa permohonan. • Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun. • Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang berdaftar dengan OCBC Al-Amin atau lain-lain maklumat, akan diberi dalam bentuk bertulis (atau mana-mana cara lain yang dibenarkan OCBC Al-Amin) oleh semua pemegang akaun bersama, melainkan diarahkan secara bertulis oleh semua pemegang akaun bersama. • Semua pemegang Akaun Bersama bertanggungjawab secara bersama dan berasingan ke atas semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut. • Jika OCBC Al-Amin Bank Berhad menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada individu yang diberi kuasa atau bukan daripada individu yang diberi kuasa, OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun Bersama. • Sebaik menerima notis kematian bagi salah seorang atau lebih daripada seorang pemegang 				

Akaun Simpanan Premier Save-i

	<p>Akaun Bersama, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk membayar baki simpanan atau baki kredit dengan sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, dengan syarat sebelum pembayaran dibuat, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh membenarkan para pemegang Akaun yang masih hidup untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada penunaian Terma dan Syarat sebagaimana yang dikenakan oleh OCBC Al-Amin Bank Berhad.
Ringkasan Yuran dan Caj	
Penutupan Awal <ul style="list-style-type: none"> Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan 	RM20
Perkhidmatan ATM <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran/penggantian kad Pengeluaran di ATM bukan OCBC dengan VISA PLUS Pengeluaran di Rangkaian MEPS ATM Pengeluaran melalui Rangkaian ATM HOUSE (HSBC, UOB & Standard Chartered) Pengeluaran di mana-mana cawangan OCBC Singapura 	RM8.00 RM12.00 RM4.00 RM1.00 Tiada Caj
Kad Debit-i Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Product Kad Debit-i atau Ringkasan Yuran dan Caj bagi caj-caj berkenaan Kad Debit-i OCBC.	
Akaun Dorman Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir <ul style="list-style-type: none"> Akaun dengan baki sehingga RM10.00 Akaun dengan baki melebihi RM10.00 	Baki akan diserap dan akaun akan ditutup. RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut".
Arahan Tetap <ul style="list-style-type: none"> Bayaran untuk pinjaman, kad atau lain-lain perlu di bayar kepada Bank Bayaran kepada akaun OCBC Bank Bayaran kepada akaun bukan OCBC Bank melalui Perintah Juruwang <ul style="list-style-type: none"> komisen duti setem pos (jika berkenaan) Arahan Tetap yang gagal 	Tiada Caj. RM2.00 bagi setiap transaksi. RM2.00 bagi setiap transaksi. RM0.15 bagi setiap transaksi. Bergantung kepada destinasi. RM2.00 bagi setiap percubaan yang gagal.
Pindahan Dana Interbank GIRO <ul style="list-style-type: none"> Melalui kaunter dan Perbankan Telefon <ul style="list-style-type: none"> Untuk dua transaksi pertama (dalam masa sebulan) Transaksi berikutnya (dalam masa sebulan) Melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mobile 	RM0.50 bagi setiap transaksi untuk setiap akaun. RM2.00 bagi setiap transaksi untuk setiap akaun. RM0.10 bagi setiap transaksi untuk setiap akaun.
Permintaan Penyata Tambahan	RM10.00 bagi setiap penyata

Akaun Simpanan Premier Save-i

Maklumat Perhubungan	
OCBC Al-Amin Bank Berhad	<p>Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami di 03-8314 9310 atau layari laman web kami di www.ocbc.com.my atau kunjungi cawangan-cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBCBank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut:</p> <p style="text-align: center;">Service Transformation Department OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Level 15, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (dahulu dikenali sebagai Biro Pengantara Kewangan) boleh dihubungi di 03-2272 2811; emel enquiry@ofs.org.my atau Bank Negara Malaysia di 1300 88 5465; emel bnmtelink@bnm.gov.my.</p>
Bank Negara Malaysia	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none">• www.bankinginfo.com.my• www.insuranceinfo.com.my <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK di 1300 88 5465.</p>
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	<p>Hubungi talian hotline di 1-800-88-1266. Boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang atau emel kepada info@pidm.gov.my</p>

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'seperti yang terdapat' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Al-Amin Bank Berhad tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak menanggung liabiliti ke atas mana-mana ralat dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Simpanan Premier Save-i OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan di www.ocbc.com.my. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Al-Amin Bank Berhad terlebih dahulu.